

Baucar Buku 1Malaysia diagih

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak malam tadi menzahirkan rasa syukur kerana pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) yang mula diagihkan semalam memberi manfaat kepada pelajar.

Perdana Menteri, melalui catatan terbaru dalam laman Twitternya, memberi reaksi kepada seorang pelajar perempuan yang memuat naik gambar baucar berkenaan dalam laman Twitternya semalam.

@ezzwanaezwnd yang memuat naik gambar baucar bernilai RM250 itu kira-kira 10 jam

lalu berkata; “Terima kasih kerajaan @NajibRazak”.

Najib dalam catatan balasnya malam tadi turut menasihatkan pelajar terbabit supaya menggunakan pemberian kerajaan itu dengan baik.

“Alhamdulillah dapat bantu. Guna dengan baik. @ezzwanaezwnd belajar di mana?,” katanya.

Peruntuk RM325 juta

Pemberian Baucar Buku 1Malaysia mula dilaksanakan pada tahun 2012 dengan kadar RM250 bagi setiap seorang pe-



Paparan **Baucar Buku 1Malaysia** di Twitter Najib.

lajar tempatan yang menuntut di institusi pengajian tinggi, program matrikulasi dan pelajar Tingkatan Enam.

Pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan RM325 juta untuk pemberian BB1M yang

memanfaatkan 1.3 juta pelajar.

Simbolik penyerahan replika cek disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, kelmarin.